

02 JUL 2001

Mahathir-Rasuah

KAKITANGAN AWAM DIMINTA JAUHI SALAH GUNA KUASA DAN RASUAH

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kakitangan awam agar menjauhkan diri daripada penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

"Apabila seseorang itu menjawab jawatan yang tinggi di dalam sesebuah jabatan kerajaan, beliau tidak harus menyalahgunakan kuasa yang ada pada dirinya kerana ini akan menjatuhkan maruah kerajaan dan dirinya sendiri," katanya.

Beliau dipetik sebagai berkata demikian oleh Buletin Malaysia (www.bkn.gov) pada perhimpunan bulanan bersama kakitangan awam Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Putra pagi ini.

Dr Mahathir berkata seseorang yang mengamalkan rasuah dan menyalahgunakan kuasa akan merasa penghinaan daripada masyarakat lebih-lebih lagi ketika sudah bersara.

"Hindarkan diri daripada mengambil rasuah kerana dengan menjauhkan diri daripada amalan ini, Allah akan memberikan balasan yang baik kepada negara sama ada dalam bentuk kemakmuran, keharmonian, keamanan atau kekayaan," katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan kakitangan awam supaya merasa adalah suatu kewajiban kepada diri sendiri untuk menjauhi gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa kerana mereka turut memegang maruah negara.

Perhimpunan bulanan itu merupakan acara pertemuan tetap antara Perdana Menteri dan kakitangan awam khususnya di bawah JPM.

Perhimpunan itu diadakan setiap Isnin minggu pertama setiap bulan.

-- BERNAMA

YBK ZS NMO